


REKA BENTUK ELEKTRONIK TINGKATAN 2


Lengkapkan gambar rajah blok di bawah.

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang tepat.



A Lakaran Gambar Rajah Blok

Lakaran ini mewakili suatu sistem yang dibina. Gambar rajah blok menerangkan secara ringkas tentang cara sistem beroperasi. Urutan blok ditunjukkan oleh arah anak panah. Setiap blok hendaklah dilabel mengikut nama peranti yang akan digunakan.



Rajah 2.4.12 Contoh lakaran gambar rajah blok



INFO EKSTRA

Maklumat dalam lakaran litar skematik memudahkan pengguna untuk memilih komponen elektronik yang akan digunakan semasa kerja pemasangan litar sebenar.

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.


Mikropengawal
(Proses)

Diod Pemancar Cahaya
(Output)

Suis Tekan Tutup
(Input)

Bekalan kuasa 12 V

Lakaran Gambar Rajah Blok Pengoperasian Diod Pemancar Cahaya Berkelip



Rajah 2.4.15 Contoh lakaran gambar rajah blok pengoperasian diod pemancar cahaya berkelip

A Bahagian Input

Bahagian input ialah salah satu bahagian yang terdapat dalam mikropengawal. Input dalam mikropengawal menerima isyarat dan menghantarkannya kepada Unit Pemprosesan Pusat (CPU). Isyarat diperoleh daripada peranti input yang digunakan. Peranti input terbahagi kepada dua, iaitu peranti input digital dan peranti input analog.



Gambar Foto 2.4.3 Peranti input digital (penderia pergerakan) dan peranti input analog (penderia cahaya)

Nyatakan A untuk peranti input digital dan B untuk peranti input analog

Peranti input digital	A
Peranti input analog	B

Penderia Jarak	
Penderia pergerakan (Motion sensor)	
Suis tekan tutup	
Penderia suhu	
Penderia cahaya	
Penderia air	
Suis tekan buka	
Suis mikro	